

## KHUTBAH JUMAAT

### "AL-QURAN MUKJIZAT SEPANJANG ZAMAN"

(22 Mac 2024M/ 11 Ramadan 1445H)

---

الْحَمْدُ لِلّٰهِ، الْحَمْدُ لِلّٰهِ الْغَنِيُّ الْحَمِيدُ. أَشْهُدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَاحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللّٰهِ، اتَّقُوا اللّٰهَ حَقًّا تُقَاتَهُ وَلَا تُؤْتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Takwa dan iman adalah pelita yang menyinari hati dan kalbu kita, memimpin ke jalan yang benar, memenuhi jiwa dengan kebaikan dan rahmah, menghakis sifat yang buruk dalam hati dan menggantikan kebencian dengan kasih sayang, memandu ke arah kesejahteraan dan keamanan, di dunia dan di akhirat. Justeru, marilah kita meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan menunaikan perintah dan menjauhi tegahan Allah *subhanahu wata'ala*. Mudah-mudahan kita menjadi umat yang terbaik, mampu menjadi contoh dan ikutan umat-umat yang lain.

Marilah kita memberikan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Cukup-cukuplah kita dengan perbuatan-perbuatan yang boleh menghilangkan ganjaran pahala Jumaat. Usah bercakap-cakap, simpanlah telefon bimbit untuk seketika. Semoga khutbah yang disampaikan dapat diambil panduan dan pesanannya.

Marilah kita panjatkan kesyukuran kerana kita masih lagi dikurniakan

nikmat menghirup udara Ramadan, bulan yang banyak menjanjikan ganjaran, bulan yang mendisiplinkan gerak laku dan perbuatan, bulan yang dikurniakan kepada kita satu anugerah yang tiada bandingannya iaitu kitab suci Al-Quran. Bersempena dengan sambutan Nuzul al-Quran pada minggu hadapan, maka khatib akan menyampaikan khutbah yang bertajuk ‘**Al-Quran Mukjizat Sepanjang Zaman**’.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Al-Quran secara umumnya sama ada dari segi bahasa, gaya atau isinya adalah satu mukjizat dan sumber petunjuk bagi membentuk kehidupan yang bahagia. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Al-Israa', ayat 9:

إِنَّ هَذَا الْقُرْءَانَ يَهْدِي لِلّٰتِي هِيَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ  
الصَّالِحَاتِ أَنَّهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا (٩)

**Maksudnya:** Sesungguhnya, al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (*agama Islam*), dan memberikan berita yang mengembirakan orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar.

Al-Quran jugalah yang berjaya mencetuskan bibit-bibit keimanan seorang insan yang pada awalnya sangat menentang Islam, tetapi akhirnya beliau menjadi seorang sahabat Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang amat berpengaruh lagi berwibawa. Beliau adalah Sayyidina Umar Ibnu al-Khattab *radiallahu anhu*.

Ibnu Katsir *rahimahullah* ketika menafsirkan ayat 41-43, surah Al-Haaqqah telah menukilkan daripada Imam Ahmad Bin Hanbal *rahimahullah* bahawa Sayyidina Umar *radiallahu anhu* telah berkata: “Sebelum aku memeluk Islam, aku telah keluar untuk mendapatkan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Maka aku dapati bahawa beliau telah mendahului aku ke masjid, lalu aku berdiri di belakangnya dan beliau membuka (solat) dengan bacaan (surah) Al-Haaqqah sehingga aku merasa takjub dengan kandungan Al-Quran.” Maka aku berkata: “Demi Allah, ini adalah syair sebagaimana yang dikatakan oleh kaum Quraisy.” Maka Baginda (Rasulullah) *sallallahu ‘alaihi wasallam* pun membaca:

وَمَا هُوَ بِقُولٍ شَاعِرٍ حَلِيلًا مَا تُؤْمِنُونَ (٤١)

**Maksudnya:** Dan bukanlah al-Quran itu perkataan seorang penyair (sebagaimana yang kamu dakwakan, tetapi sayang!) amatlah sedikit daripada kamu yang beriman. (Surah Al-Haaqqah ayat 41)

Maka aku (Sayyidina Umar) berkata: “(Ia adalah kata-kata) tukang tilik! ” Lalu Rasulullah *sallallahu ‘alaihi wasallam* pun membaca:

وَلَا بِقُولٍ كَاهِنٍ حَلِيلًا مَا تَذَكَّرُونَ (٤٢) تَنْزِيلٌ مِّنْ رَّبِّ الْعَالَمِينَ (٤٣)

**Maksudnya:** Dan juga bukanlah al-Quran itu perkataan seorang tukang tilik (sebagaimana yang kamu katakan, tetapi sayang!) Amatlah sedikit kamu mengambil peringatan. (al-Quran itu) diturunkan dari Allah Tuhan sekalian alam. (Surah Al-Haaqqah ayat 42-43)

Betapa mukjizat Al-Quran begitu menyerlah sehingga berjaya menerbitkan bibit-bibit keimanan dalam hati manusia yang dahulunya menolak petunjuk. Begitulah antara mukjizat al-Quran seperti yang tergambar di dalam surah Al-Israa' ayat 88 yang bermaksud :

*"Katakanlah (wahai Nabi Muhammad sallallahu 'alaihi wasallam): Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri."*

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Satu lagi bentuk mukjizat al-Quran adalah pemansuhan sesuatu hukum dan arahan dengan hukum atau arahan baru yang lebih baik, atau lebih dikenali sebagai 'Al-Nasikh Wal Mansukh.' 'Al-Nasikh Wal Mansukh' merujuk kepada sesuatu hukum yang dimansuhkan atau ditiadakan, atau boleh juga diganti oleh Allah *subhanahu wata'ala* dengan hukum yang lain. Firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah al-Baqarah, ayat 106:

مَا نَسَخْ مِنْ ءَايَةٍ أَوْ نُسِّهَا نَأْتِ بِخَيْرٍ مِّنْهَا أَوْ مِثْلِهَا لَأَنَّمَا تَعْلَمُ أَنَّ اللَّهَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (١٠٦)

**Maksudnya:** Apa sahaja ayat keterangan yang Kami mansuhkan (batalkan), atau yang Kami tinggalkan (atau tangguhkan), Kami datangkan ganti yang lebih baik daripadanya, atau yang sebanding

*dengannya. Tidakkah engkau mengetahui bahwasanya Allah Maha Kuasa atas tiap-tiap sesuatu?*

Seorang ahli tafsir terkenal, Sheikh Mutawalli Sya'rawi *rahimahullah*, ketika menafsirkan ayat ini, menyatakan bahawa ianya tidak bermaksud bahawa terdapat kekurangan pada risalah terdahulu sebelum perutusan Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*, akan tetapi maksudnya di sini, risalah mereka adalah yang terbaik bagi kelompok manusia yang hidup pada zaman tersebut.

Sheikh As-Sya'rawi *rahimahullah* menambah lagi, perkembangan gaya dan cara kehidupan telah mengundang pelbagai isu baru yang belum pernah dialami oleh zaman dahulu. Oleh yang demikian, ketika diutuskan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* dibekalkan dengan huraian atau jalan keluar bagi permasalahan yang tidak pernah wujud di zaman para Rasul *alaihimussalam* sebelumnya.

Sebagai contoh, pada zaman Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* pensyariatan kiblat ke arah Baitul Maqdis telah dimansuhkan dan ditukarkan ke arah Kaabah di Makkah. Ini secara jelas berlainan dengan kelaziman yang telah lama diamalkan oleh umat Nabi-Nabi yang terdahulu.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pengajaran yang boleh kita perolehi daripada ini, adalah bahawa peningkatan diperlukan dalam kehidupan, sama ada peningkatan dari segi amalan, kerohanian atau juga peningkatan di dalam urusan

duniawi yang dapat memberikan kemanfaatan pada diri. Malah, adalah menjadi ajaran Islam bagi kita berlumba-lumba untuk mempertingkatkan diri agar kita beroleh kejayaan dalam kehidupan di dunia maupun di akhirat. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud:

“... *Berlumba-lumbalah untuk memperolehi apa saja yang memberikan kemanfaatan padamu dan mohonlah pertolongan kepada Allah dan janganlah merasa lemah ...*”

(*Hadis riwayat Imam Muslim*)

Sebagai contoh dari segi ibadah, jika di dalam bulan Ramadan, kita sering bertadarus al-Quran selepas solat tarawih, maka adalah baik jika kita bertekad untuk bertadarus di masa-masa dan kesempatan yang lain juga, dan bertadarus sambil menghayati maksud ayat-ayat Al-Quran.

Inilah ciri-ciri agama yang dinamik, progresif, berdaya saing, mampu melerai kerumitan dan masalah ummah di mana dan bila-bila masa sahaja. Ini juga pengajaran yang dapat digarap dari maksud ‘Al-Nasikh Wal Mansukh’.

Ia bukan sekadar satu lipatan sejarah pensyariatan atau pemansuhan sesuatu perkara, bahkan lebih dari itu, ia mengajak kita sentiasa bertafakkur memikirkan hal keadaan kehidupan beragama agar ia sentiasa berkembang serta maju, mengikut setiap dasar dan prinsip agama itu sendiri.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Pada kesempatan ini juga, bersempena peringatan Hari Polis ke-217 pada tahun ini, khatib merakamkan setinggi-tinggi ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pasukan Polis Diraja Malaysia yang banyak berjasa kepada agama, bangsa dan Negara. Mereka telah melaksanakan amanah dengan penuh tanggungjawab. Hasilnya, pada hari ini, dengan izin Allah *subhanahu wa ta'ala*, kita semua dapat menikmati kehidupan yang aman dan harmoni. Justeru, khatib menyeru kepada semua lapisan masyarakat agar memberi kerjasama dan sokongan padu berterusan kepada pasukan Polis Diraja Malaysia dalam menjaga keamanan Negara.

Khatib juga menyeru kepada warga Polis Diraja Malaysia agar terus bekerja dengan profesional, jujur, amanah dan berintegriti serta menghindarkan diri daripada terlibat dalam perkara-perkara yang boleh mencemarkan imej Pasukan Polis Diraja Malaysia. Sifat-sifat murni dan terpuji yang diamalkan seperti ini telah dijanjikan ganjaran pahala yang besar oleh Allah *subhanahu wa ta'ala*.

Akhirnya, di penghujung khutbah ini, izinkan khatib merumuskan beberapa pengajaran penting dari khutbah yang disampaikan.

**Pertama** : Keperluan untuk kita menghayati isi kandungan kitab suci al-Quran dengan sebaik-baiknya, agar dapat dijadikan panduan bagi diri kita dalam mengharungi kehidupan seharian, semoga dengannya kita akan sentiasa beroleh hidayah daripada Allah *subhanahu wata'ala*.

**Kedua** : Setiap perubahan yang berlaku di sekeliling mengundang kita meneliti perubahan tersebut. Jika dilihat dari sudut positif, ia sebenarnya mengajak kita bagi melihat kembali keprihatinan kita terhadap apa yang dikatakan sebagai keutamaan. Kita perlu bijak di dalam memilih keutamaan agar dengannya, kita dapat melakukan perubahan diri dan seterusnya mendapat manfaat daripadanya.

**Ketiga** : Salah satu mukjizat al-Quran ialah daripada sudut bahasanya yang menjadi dalil bahawa al-Quran bukan ciptaan atau rekaan manusia tetapi datangnya daripada Allah *subhanahu wataa'ala*.

**Keempat** : Antara mukjizat al-Quran ialah melalui membaca dan mendengar ayat al-Quran akan melembutkan hati dan mendatangkan hidayah Allah *subhanahu wataa'ala*.

Marilah sama-sama kita menghayati firman Allah *subhanahu wataa'ala* di dalam Surah Fatir, ayat 29 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرًّا وَعَلَانِيَةً  
يَرْجُونَ تِحْرَةً لَّنْ تَبُورَ (٢٩)

**Maksudnya** : Sesungguhnya orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian)

*mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian;*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ  
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاقَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ  
قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ  
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلّٰهِ. الْحَمْدُ لِلّٰهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهُدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَلِيهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَإِنَّمَا عِبَادَ اللّٰهِ، إِنَّمَا عِبَادَ اللّٰهِ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Berdasarkan keadaan cuaca yang tidak menentu, khatib ingin mengingatkan pada jemaah sekalian, agar sentiasa mengambil langkah berjaga-jaga dan berwaspada terhadap kemungkinan berlakunya bencana di tempat masing-masing. Justeru, patuhilah arahan yang dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa dari semasa ke semasa.

Pada masa yang sama, teruskanlah mengimarahkan masjid dengan melaksanakan solat fardu secara berjemaah yang ganjarannya amat besar sehingga 27 kali ganda berbanding solat secara bersendirian. Selain itu, pastikan makanan berbuka dan bersahur adalah yang diyakini halal lagi baik agar kehidupan kita diberkati dan dimakbulkan segala doa kita.

قَالَ اللّٰهُ تَعَالٰى :

إِنَّ اللّٰهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّوْنَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلٰئِيلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلٰئِيلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أُلٰئِيلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى أُلٰئِيلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضُ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلُقَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيَّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبٌ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِي الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di negara Palestin. Kurniakanlah kepada mereka perlindungan, keselamatan dan kemenangan dalam menghadapi musuh-musuh nyata mereka. Angatkanlah daripada mereka bala bencana, perang dan permusuhan dengan limpah rahmat-Mu, Tuhan yang Maha Rahmat.

Ya Allah, ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong

Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, hindarkanlah kami dari gejala rasuah dan perlanggaran kepada peraturan dan undang-undang serta penyalahgunaan dadah. Kurniakanlah keselamatan dan kesejahteraan, jadikanlah kami ummah yang berkualiti dan berintegriti demi mencapai negara yang aman dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali Wal Ikram! Ya Allah, kukuhkanlah perpaduan dan kesatuan kami dalam aqidah, ibadah dan akhlak di bawah pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah ke atas kami nikmat keselamatan, kesihatan dan kefaian serta hindarilah kami daripada segala wabak penyakit.

Ya Allah, kurniakanlah kepada kami kekuatan untuk mengejar segala kebaikan yang telah Engkau sediakan dalam bulan Ramadan Al-Mubarak ini. Jauhkanlah diri kami daripada godaan nafsu yang akan merosakkan proses peribadatan dan perhambaan kami kepada-Mu sepanjang bulan yang agung ini, Ya Allah.

رَبَّنَا تَقَبَّلْ مِنَّا صَلَاتَنَا وَصِيَامَنَا وَقِيَامَنَا وَتَخْشُعَنَا وَتَضَرُّعَنَا وَتَعْبُدَنَا وَتَمِّمْ  
تَقْصِيرَنَا، يَا اللَّهُ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ. رَبَّنَا أُتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً  
وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينٌ، أَمِينٌ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.  
عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِلَيْهِ الْحُسَانُ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعْلَكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ  
يَذْكُرُكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَتِهِ يَزِدُّكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.